

05 MAY 1997

Komanwel-Tunstall

PRESIDEN CGF NASIHAT MALAYSIA DAPATKAN PENJELASAN

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) telah menasihati Majlis Olimpik Malaysia (MOM) supaya mendapatkan penjelasan dari Australia berhubung dakwaan bahawa Malaysia menyogok wang untuk mendapatkan hak sebagai tuan rumah Sukan Komanwel tahun depan.

Presiden CGF Michael Fennell meminta MOM mendapatkan penjelasan bertulis daripada Persatuan Sukan Komanwel Australia berikutan kenyataan setiausaha/bendaharinya Arthur Tunstall di Adelaide bahawa Malaysia mendapat hak penganjuran Sukan itu menerusi "kuasa wang".

Setiausaha MOM Sieh Kok Chi yang menyifatkan dakwaan itu sebagai serius dan tidak berasas hari ini berkata mereka akan meminta penjelasan Australia sama ada kenyataan Tunstall berupa kenyataan peribadi atau merupakan pendirian persatuan itu.

"Kita akan juga meminta mereka supaya membuktikan dakwaan itu...Selepas mendapat penjelasan daripada mereka, kita akan memutuskan mengenai tindakan selanjutnya, sama ada meminta beliau (Tunstall) menarik balik kenyataan itu atau meminta maaf," katanya.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani penajaan antara Sukom Ninety Eight Berhad dan Mastercard International di sini, Sieh berkata MOM akan membangkitkan perkara itu semasa Perhimpunan CGF di sini September ini.

Kuala Lumpur berjaya menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998 apabila mendapat 40 undi, menewaskan pencabar terdekatnya, Adelaide, dengan kelebihan 15 undi di Barcelona, Sepanyol pada 1992.

Tunstall, ketika menjadi tetamu Majlis Olimpik Australia Selatan di Adelaide Khamis lepas dipetik sebagai berkata bahawa kegagalan Adelaide menarik sukan bertaraf dunia itu ke Australia disebabkan tidak mampu menyaingi "apa yang sudah dibeli" oleh Kuala Lumpur.

"Adalah malang kerana pengaruh wang dan kuasa lain menentukan hak penganjuran sukan berkenaan," katanya. Tunstall adalah naib persiden CGF bagi Oceania.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang turut menghadiri majlis itu, berkata dakwaan yang tidak berasas itu tidak langsung menjejaskan status Sukan itu.

"Jangan pedulikan pandangannya (Tunstall)...Kita telah dipilih oleh para perwakilan dan kita layak menjadi tuan rumah Sukan itu," katanya.

Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali berkata Adelaide membelanjakan kira-kira A\$2.5 juta (kira-kira RM5 juta) semasa proses penawaran itu manakala Malaysia memperuntukkan RM3 juta.

"Kita akan menyerahkan perkara itu kepada MOM," katanya.

Hashim berkata Tunstall sebelum ini pernah membuat kenyataan-kenyataan yang menimbulkan kontroversi berhubung atlit cacat dan telah meminta maaf kepada CGF dan media massa Australia.

Sementara itu, setiausaha agung DAP Lim Kit Siang mengutuk Tunstall kerana mengeluarkan kenyataan yang dianggapnya sebagai "tidak bertanggungjawab".

Ketua pembangkang itu juga mempertikaikan asas bagi dakwaan itu, memandangkan Tunstall tidak pernah membangkitkan perkara itu selepas Kuala Lumpur mengalahkan Adelaide di Barcelona pada 1992.

Sehingga sekarang, selepas sekian lama beliau tidak dapat menunjukkan bukti untuk menyokong kenyataannya bahawa Kuala Lumpur menggunakan "kuasa

wang" untuk mengetepikan Adelaide bagi mendapatkan hak penganjuran Sukan Komanwel 1998, katanya.

Di KUCHING, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, yang menjadi Menteri Belia dan Sukan ketika usaha untuk meraih tempat menjadi tuan rumah pada 1991, berkata kejayaan Malaysia adalah kerana kerja keras serta sokongan padu daripada kerajaan.

"Saya sendiri yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Induk Sukom pada masa itu bekerja keras dengan melawat lebih 20 negara bagi melobi sokongan daripada pemimpin sukan mereka," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas isu itu, selepas merasmikan Bengkel Pembangunan Luar Bandar di sebuah pusat perancangan di kawasan projek hidro Batang Ai, lebih 250 km dari Kuching.

Annuar berkata faktor utama yang membawa kejayaan Malaysia ialah kerana adanya sentuhan peribadi, pendekatan persahabatan dan reputasi kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di mata dunia.

Katanya Dr Mahathir sendiri menulis surat kepada pemimpin-pemimpin negara Komanwel untuk mendapatkan sokongan mereka supaya Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan Komanwel.

Beliau berkata isu ini bukan perkara baru kerana Australia pernah menyuarakan perasaan sedemikian sebaik sahaja Malaysia berjaya dalam usahanya mendapatkan hak menganjurkan Sukan itu.

"Mereka seperti tidak boleh menerima yang negara sedang membangun seperti Malaysia boleh diberikan kepercayaan untuk menganjur sukan bertaraf dunia itu," katanya.

Beliau berkata beliau sendiri telah pergi ke Adelaide untuk meninjau kemudahan sukan yang ada di situ dan mendapati bahawa kemudahan di negara ini lebih baik.

Lagipun di sana, majlis sukannya tidak mendapat sokongan daripada kerajaan sedangkan di Malaysia komitmen telah diberi untuk membina kemudahan sukan yang diperlukan, katanya.

Beliau berkata usaha Adelaide sendiri tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada badan sukan lain di Australia seperti Majlis Sukan Sydney yang mahu menjadi tuan rumah kepada Sukan Olimpik akan datang. --  
BERNAMA

OPP AKD